

Mangsa banjir di enam kampung belum dibenar pulang

BANDAR BAHARU 30 Nov. - Sudah enam hari sebahagian daripada penduduk di enam kampung dekat sini tinggal di pusat penempatan sementara, namun tiada siapa di antara mereka tahu bila mereka akan dibenarkan pulang ke rumah masing-masing.

Bukan kerana banjir belum surut, namun kebimbangan sekiranya berlaku gelombang kedua yang lebih teruk menyebabkan pihak berkuasa enggan membenarkan mereka pulang atas faktor keselamatan.

Menurut Pegawai Pertahanan Awam Kulim Bandar Baharu, **Mohd. Fadhil Fahmi Zaini**, keadaan cuaca yang hujan pada setiap hari terutamanya di sebelah petang merupakan antara faktor yang perlu diambil kira.

"Memang kalau kita masuk ke kampung itu pada sebelah siang, keadaan tidak lagi banjir kecuali air bertakung di kawasan tertentu.

"Namun kami dapati air sering naik bermula pukul 3 hingga 5 pagi. Walaupun tidak dalam dengan ada antaranya hanya separas betis, demi keselamatan, mereka tidak lagi dibenarkan pulang," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Setakat ini terdapat dua pusat penempatan dibuka iaitu di Sekolah Kebangsaan Bandar Baharu yang menempatkan 24 keluarga melibatkan 89 individu serta Sekolah Kebangsaan Sungai Kechil Ulu menempatkan 16 keluarga melibatkan 41 mangsa.

Antara kampung yang terlibat adalah Kampung Asam Kumbang, Kampung Bagan Samak, Kampung Berjaya, Kampung Besar dan Kampung Raja.

Sementara itu, salah seorang mangsa, **Fagrus Effendi**, 31, memberitahu, beliau bersama 14 ahli keluarga termasuk ibu dan bapanya yang berusia 74 dan 69 tahun sudah enam hari berada di situ.

"Banjir di sini bukan perkara asing kerana setiap tahun berlaku. Kadang-kadang sampai seminggu kami ditempatkan di pusat pemindahan sementara.

Pengerusi Jawatankuasa Kemaajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Berjaya, **Borhan Jaafar** memberitahu, bahan makanan hasil sumbangan pihak berkuasa untuk mereka yang tinggal di pusat pemindahan sementara itu semuanya mencukupi.